

Sekitar Maha 2008

Potensi nanas

>>Oleh Syarifah Dayana
Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

SERDANG; Tidak ramai mengetahui kegunaan nanas dan hanya maklum penggunaannya sebagai jus minuman atau jem untuk hidangan sarapan pagi.

Namun, melalui penyelidikan yang dilakukan, nanas boleh dijadikan bahan kosmetik serta serat daripada daunnya turut berfungsi sebagai benang.

Pembantu Kanan Hal Ewal Ekonomi, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Azman Kasim, berkata penggunaan serat daun nanas sebagai benang masih belum terkenal di Malaysia sebaliknya di Filipina, penggunaannya begitu meluas.

"Benang serat daun nanas ini tidak akan mengecut. Jika ia digunakan dalam jahitan, pakaian tidak akan mengecut walaupun banyak kali dibasuh," katanya.

Menurutnya, LPNM akan cuba membawa masuk kaedah untuk mendapatkan benang daripada daun nanas supaya kaedah itu dapat digunakan di Malaysia.

Selain itu, Azman berkata, jus nanas juga dipercayai mampu merawat barah serta berfungsi sebagai agen pencernaan dan melancarkan perjalanan haid.

"Jus nanas mengandungi vitamin A, B dan C. Ia mam-



LAZAT
...Nur Zahilah Tohak menunjukkan nanas jenis Josapine di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2008.

pu membantu masalah kencing tidak lawas serta batu karang," katanya ketika ditemui di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2008, di sini.

Menurutnya, jus nanas juga berfungsi sebagai pelembut daging dan mampu membersihkan barangan logam dan kayu.

"Semua bahagian pada nanas mempunyai kebaikan. Hampas nanas boleh dijadikan makanan haiwan, jusnya boleh dijadikan kosmetik serta minuman manakala seratnya boleh digunakan sebagai benang, jaring, kertas atau tali," katanya.

Azman berkata, walaupun terdapat maklumat mengatakan nanas tidak baik untuk kesihatan terutama kaum perempuan, kenyataan itu ternyata salah kerana nanas mempunyai banyak khasiat dan sesuai dijadikan hidangan setiap hari.

"Produk daripada nanas boleh dimakan ketika sarapan, makan tengah hari atau makan malam. Tidak ada masalah untuk makan produk nanas seperti didakwa sesetengah pihak," katanya.

Menurutnya, nanas tanaman yang mudah untuk diusahakan kerana hasilnya boleh dinikmati dalam masa 14 bulan.